

13 JULAI 2018

Tubuh JKPD bantu bekas penagih

Kuala Lumpur

Tubuh JKPD bantu bekas penagih

Penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah (JKPD) dilihat sebagai satu inisiatif dalam membantu bekas penagih mendapatkan peluang pekerjaan atau perniagaan mengikut minat dan kebolehan masing-masing.

Ini sekali gus memberi sinar harapan baru kepada mereka untuk menjalani kehidupan lebih baik.

Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kuala Lumpur, Tengku Hanizar Tengku Awang berkata, penagih yang menjalani pemulihan perlu dibantu meneruskan kelangsungan hidup bagi memastikan mereka tidak kembali ke kancah penagihan.

"JKPD menjadi pemangkin menyerap kembali golongan yang dipanggil Orang Kena Pengawasan (OKP) ke pangkuan masyarakat dengan membantu mereka dari segi ikhtiar hidup.

"Masyarakat perlu mengetepikan stigma memandang serong terhadap OKP dalam memastikan golongan itu pulih," katanya pada majlis Jalinan Kasih Aidilfitri 2018 anjuran JKPD dan AADK Kuala Lumpur di sini, semalam.